



MAJU TAN

Edisi Mei-Ogos 2017

Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan

www.forestry.gov.my



12

20TH MEETING OF THE ASEAN SENIOR OFFICIALS ON FORESTRY (ASOF) AND ITS RELATED MEETINGS



MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI PAHANG
SEMINAR KEBANGSAAN CENTRAL FOREST SPINE (CFS)



14



INFO LANJUT DI DALAM

3

TAKLIMAT AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 -
AKTA 711 (WHISTLEBLOWER ACT 2010)



DARI MEJA KETUA PENGARANG

Dari Meja Ketua Pengarang
Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam 1Malaysia dan
Salam Negaraku Alam Sekitarku.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat ilahi kerana dengan izin-Nya sekali lagi Buletin MAJUTAN Edisi Mei-Ogos tahun 2017 dapat menemui pembaca khususnya, warga JPSM. Saya selaku Ketua Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi serta para penulis artikel dan laporan peristiwa yang senantiasa memberi komitmen sehingga berjaya menerbitkan buletin MAJUTAN untuk terus berada di hati warga JPSM.

Penghargaan yang tidak terhingga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas bantuan dan dorongan sehingga Buletin ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Tujuan Buletin ini dihasilkan adalah untuk memaparkan serta menyampaikan berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Program-program yang telah berjaya diadakan hasil kerjasama semua warga kerja JPSM dan janya telah dimuatkan dalam MAJUTAN ini. Selain itu terbitan Buletin MAJUTAN ini, turut memberi peluang kepada warga untuk mengasah bakat masing-masing dalam menghasilkan artikel/penulisan yang baik.

Saya mewakili Sidang Redaksi Buletin MAJUTAN memohon ampun dan maaf andai terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kandungan Buletin ini.

Akhir kata, saya yakin semua warga JPSM akan dapat meneruskan usaha menjadi sebuah agensi terunggul dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan demi Kesejahteraan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Shashiah binti Abdul Karim
Ketua Pengarang

SIDANG REDAKSI

- PENASIHAT** YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
- PENGERUSI** YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)
- KETUA PENGARANG** Puan Shashiah binti Abdul Karim
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATAN KUASA MAJUTAN

- Mohd Rahim bin Rani
PENGARANG
- Othman bin Deris
PENOLONG PENGARANG I
- Suhana binti Bebakar
KONSEP DAN REKA BENTUK I
- Kamal Kusyairi bin Abd Ghan
PERCETAKAN DAN EDARAN II
- Asiah binti Yaacob
PENOLONG PENGARANG II
- Ismail Ali bin Kamarudeen
KONSEP DAN REKA BENTUK II
- Rajihan bin Rahim
PERCETAKAN DAN EDARAN I



Azuan bin Mohd Sukri



Siti Sarah binti Shahrudin



Nur Ain binti Mustapa



Noor Syuhada binti Abdul Samad



Nur' Ain binti Chek Mustafa



Basirun bin Bakar



Shamsul Izham bin Rusli



Nor Wahidah binti Amran



Siti Norhayati binti Mastar



Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim



Affeefah Amanee binti Che Ahamed



Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

- PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN**
Che Rosmi bin Che Ali
- PENGURUSAN HUTAN**
Kadri bin Shaari
- SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN**
Mohd Saman bin Sanget
- LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN**
Sharifah Amira binti Salim
- HAL EHWAL ANTARABANGSA**
Nora Azlina binti Musa
- LATIHAN PERHUTANAN**
Muhammad Hafidz bin Abdullah
- PENGUATKUASAAN HUTAN**
Muhamat Azman bin Yahya
- KEJURUTERAAN HUTAN**
Faizah binti Mohamad
- KHIDMAT PENGURUSAN**
Hamidi bin Abd. Halim
- PENGURUSAN MAKLUMAT**
Noorazila binti Yatim
- TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU**
Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
- PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN**
Zulkurnain bin Zakaria
- FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI**
Muhammad Firdaus bin Khadlan
- KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**
Nor Hidayu binti Abd. Razak
- PENOLONG SETIAUSAHA PKSIP**
Zuraida binti Abd. Aziz
- SETIAUSAHA PUSPANITA**
Rafizah bin Minhat

ISI KANDUNGAN

Program Penanaman Pokok Kayuhan Eco-Ride Bersempena Jelajah Forum dan Ekspo Mampan Melaka Tahun 2017	2
Taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 - Akta 711 (<i>Whistleblower Act 2010</i>)	3
Lawatan Kerja Rasmi Ybhg. Dato' Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	4
Kursus Perundangan dan Pendakwaan Perhutanan Bilangan 2 Tahun 2017	5
Program Ihya Ramadan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2017 M/1438 H	6
Majlis Iftar Ramadhan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	7
Kursus Asas Interpretasi dan Komunikasi bagi Juru Pandu Denai Interpretasi 2017 Siri Ke 2	8
Kursus Pemantapan Pelaksanaan Pembalakan Berimpak Rendah (Ril)	9
Bengkel APFNET Mengenai Rehabilitasi dan Pengurusan Hutan	10
Sambutan Jalinan Mesra Aidilfitri Peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Kedah 2017	11
Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan Anugerah Jasamu Dikenang 2017 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	12
<i>20Th Meeting Of The Asean Senior Officials On Forestry (ASOF) and Its Related Meetings</i>	13
Program Eksplorasi Hijau ke Negeri Sarawak Anjuran Puspanita Ipjpsm	14
Seminar Kebangsaan <i>Central Forest Spine (CFS)</i>	15
Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Sungai Petani, Kedah dan Lawatan ke Taman Eko-Rimba	16
Kursus Pemantapan dan Pelaksanaan Kajian Integrasi Sistem Silvikultur Pemilihan Pokok (STSS) dalam Sistem Pengurusan Memilih (SMS) untuk Kumpulan Sokongan	17
Kursus Kemahiran Lanjutan Pasukan Perolehan Biji Benih JPSM Tahun 2017	18
Tinjauan Lapangan Ekopelancongan di Taman Negara Mulu Sarawak	19
Program Penghijauan Bumi <i>Corporate Social Responsibility (CSR)</i> oleh Peserta <i>Advance Leadership and Management Programme (ALMP)</i> Siri Ke 55, Bil. 3 Tahun 2017	20
Program Komuniti Perhutanan Sempena Hari Perhutanan Antarabangsa Peringkat Daerah Jelebu Tahun 2017	21
Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-60 Peringkat Negeri Kedah Tahun 2017	22
Peristiwa Bergambar	23

PROGRAM PENANAMAN ANAK POKOK OLEH PESERTA KAYUHAN *ECO-RIDE* BERSEMPENA JELAJAH, FORUM DAN EKSPLO MAMPAN MELAKA TAHUN 2017

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Encik Azni Rahman bin A. Wahid, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, Encik Amizi bin Talib, Pengerusi Persatuan Prihatin Sosial Ekonomi Rakyat Melaka (PRISMA) bersama peserta *Eco-ride*

SERKAM, 6 MEI 2017

Program penanaman anak pokok oleh peserta kayuhan *Eco-Ride* bersempena Jelajah Forum dan Ekspo Mampas Melaka Tahun 2017 telah diadakan di Taman Rimbunan Kaseh. Program ini telah dianjurkan oleh Persatuan Prihatin Sosial Ekonomi Rakyat Melaka (PRISMA) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka.

Program ini dihadiri oleh Datuk Zaidi bin Attan, Timbalan Exco Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Encik Azni Rahman bin A. Wahid, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, Encik Amizi bin Talib, Pengerusi Persatuan Prihatin Sosial Ekonomi Rakyat Melaka (PRISMA), Encik Mohd Suhaimi bin Yusof, Ketua Jelajah Kelab *Associated Cyclosporitif Trekkers (ACT)* dan peserta kayuhan *Eco-Ride*.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam



Peserta program yang terdiri daripada ahli Persatuan Prihatin Sosial Ekonomi Rakyat Melaka (PRISMA) dan pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat termasuk aktiviti penanaman pokok. Program ini melibatkan tanaman pokok seperti Meranti sarang punai (*Shorea parvifolia*), Meranti kepong (*Shorea ovalis*) dan Bintangor bukit (*Calophyllum symingtonianum*). Taklimat penanaman pokok telah disampaikan oleh Encik Azni Rahman bin A. Wahid, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka.

TAKLIMAT AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 - AKTA 711 (WHISTLEBLOWER ACT 2010)

Disediakan oleh : Mohd Hamzah bin Abdullah
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM



Sesi bergambar peserta dan urus setia sesi taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 - Akta 711

PUTRAJAYA, 18 MEI 2017

Bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) telah diadakan satu sesi taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistleblower Act 2010*). Taklimat telah disampaikan oleh PPj Wan Mohd Rosli bin Wan Daud, Ketua Cawangan Pelindungan Pemberi Maklumat, Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM Putrajaya dengan dihadiri 25 orang *Desk officer* Jabatan Perhutanan Negeri.

Objektif Akta 711 diwujudkan bagi melindungi kerahsiaan pemberi maklumat dan maklumat yang diberikan. Akta ini menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain. Akta ini akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan yang memudaratkan akibat daripada pendedahan yang dibuat.

PERLINDUNGAN yang diperuntukkan di bawah Akta 711, Sek. 7(1):

- Perlindungan maklumat sulit (Kegagalan melindungi maklumat sulit di bawah Akta 711 merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman)



Peserta mendengar taklimat yang disampaikan oleh PPj Wan Mohd Rosli bin Wan Daud, Ketua Cawangan Pelindungan Pemberi Maklumat, Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, Putrajaya



Lawatan ke bilik penyiasatan dan pengecaman serta konti penyampaian radio SPRM (MACC FM)

- Kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah
- Perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan. Perlindungan ini juga layak terhadap mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat,

Deskofficer yang hadir juga turut dibawa melawat ke bilik penyiasatan dan pengecaman serta konti penyampaian radio SPRM (MACC FM) yang ke udara secara talian terus (online) dari jam 8.00 sehingga jam 11.00 untuk menyampaikan maklumat terkini SPRM kepada pendengar.

LAWATAN KERJA RASMI YBHG. DATO' KETUA PENGARAH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



ALOR SETAR, 21 MEI 2017

Satu lawatan kerja rasmi YBhg. Dato' Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud ke Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman telah diadakan pada 20 hingga 21 Mei 2017. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai isu di kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda yang telah dipaparkan media masa dan juga akhbar utama sejak kebelakangan ini.

Turut hadir ke lawatan tersebut adalah Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Tn. Hj. Mohd Nasir bin Abu Hassan, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Encik Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, Encik Nor Azirim bin Ahmad, Pengarah Bahagian Ladang, YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan,

Encik Mohd Nizum bin Mohd Nor, Ketua Seksyen (Pengurusan Hutan Darat) Tn. Hj. Yusoff bin Muda, Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Sebelum lawatan ke kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda, YBhg. Dato' sempat mengadakan lawatan ke Hutan Simpan Gunung Jerai untuk melihat tapak HCVF dan kawasan Geotapak Jerai Geopark. Taklimat berkenaan tapak HCVF telah disampaikan oleh Encik Muhammad Firdaus bin Abd Kadir, Penolong Pengarah Silvikultur dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. YBhg. Dato' juga di bawa ke salah satu kawasan geotapak iaitu Padang Tok Sheikh untuk melihat tinggalan fosil kesan di atas batu pasir halus menunjukkan kesan endapan lautan kuno. Padang Tok Sheikh juga terkenal dengan sejarah Islam bermula

dan sejarah negeri Kedah bermula.

YBhg. Dato' sempat berkongsi pandangan berkenaan pemeliharaan kawasan untuk dijadikan kawasan pelancongan dan memberi nasihat berkenaan penyelenggaraan kawasan pelancongan yang perlu diambil kira apabila menguruskan kawasan tersebut.

Pada keesokkan harinya, YBhg. Dato' dan ahli rombongan melawat ke kawasan yang telah diluluskan permit penggunaan jalan hutan untuk tujuan pengeluaran pasir sungai, Hutan Simpan Ulu Muda dan Hutan Simpan Bukit Saiong.

Lawatan diakhiri dengan ahli rombongan melawat di sekitar kawasan Tadahan Air Ulu Muda dengan menaiki bot dari Jeti Gubir.

KURSUS PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN PERHUTANAN BILANGAN 2 TAHUN 2017

Disediakan oleh: Zulkurnain bin Zakaria
Bahagian Perundangan Dan Pendakwaan, IPJPSM



Peserta kursus Perundangan dan Pendakwaan Perhutanan tahun 2017

SEPANG, 23 MEI 2017

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kursus Perundangan dan Pendakwaan Perhutanan Bilangan 2 Tahun 2017 pada 23 hingga 25 Mei, 2017 di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Perundangan dan Pendakwaan Perhutanan Bilangan 1 Tahun 2017 yang telah dilaksanakan di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong pada 28 hingga 30 Mac 2017. Peserta kursus seramai 26 orang terdiri daripada pegawai yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia daripada Gred G17 hingga G32 yang pernah hadir pada siri kursus bilangan 1 sebelum ini.

Kursus ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan pegawai-pegawai yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan di Jabatan Perhutanan terhadap perundangan berkaitan dengan perhutanan. Kursus ini juga diharapkan dapat memberi lebih pemahaman dan panduan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan dalam urusan penguatkuasaan undang-undang berkaitan bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu.

Pengisian kursus ini melalui tiga sesi ceramah, sesi ceramah pertama telah disampaikan oleh Puan Kaiyisah binti Shukri Timbalan Pendakwa Raya daripada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia mengenai Penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Industri Berasas Kayu serta membincangkan semula hasil dapatan kursus siri bilangan 1 sebelum ini. Sesi ceramah kedua pula disampaikan oleh DSP Naazron bin Abdul Yusof daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Kontijen Polis Negeri Sembilan yang mengupas isu-isu berkaitan Tatacara Serbuan Yang Berkesan Dalam Kes Jenayah serta Pengurusan Tempat Kejadian dan Bahan Bukti. Penceramah bagi sesi ketiga Puan Aimi Syazwani binti Sarmin dari Jabatan Peguam Negara, Putrajaya berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau mengenai Teknik Memberi Keterangan di Mahkamah.

Kursus sebegini akan diteruskan pada bilangan ketiga pada tahun ini yang ditumpukan kepada aspek penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Industri Berasas Kayu di lapangan seperti yang telah dirancang untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan Jabatan dari pelbagai gred mempunyai kefahaman kepada

perundangan berkaitan perhutanan selaras dengan gred jawatan masing-masing.



Ceramah yang disampaikan oleh DSP Naazron bin Abdul Yusof dari Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Kontijen Polis Negeri Sembilan bertajuk Tatacara Serbuan Yang Berkesan Dalam Kes Jenayah dan Pengurusan Tempat Kejadian dan Bahan Bukti



Puan Aimi Syazwani binti Sarmin dari Jabatan Peguam Negara, Putrajaya menyampaikan ceramah beliau yang bertajuk Teknik Memberi Keterangan di Mahkamah

PROGRAM IHYA RAMADAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2017 M/1438 H

Disediakan oleh:
Shohaimi bin Md Sani dan Hj. Saleh bin Awaludin
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan,
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

SURAU AL-FATIH, IPJPSM, 15 JUN 2017

Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan (PKSIP), Surau Al-Fatih dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), IPJPSM telah mengadakan Program Ihya Ramadan dengan tema Ramadan - Bulan Keredhaan dan Keampunan di Surau Al-Fatih, IPJPSM pada 15 Jun 2017 bersamaan 20 Ramadan 1438 hijrah. Program ini bertujuan untuk menghidup dan menyuburkan aktiviti dalam bulan ramadan. Program ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Nor Akhiruddin bin Mahmud (Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia), pegawai dan kakitangan IPJPSM serta 20 orang kanak-kanak Pertubuhan Al-Khadeem, Shah Alam, Selangor.

Program ini dimulai dengan Majlis Khatam Al-Quran, Solat Zohor Jemaah, ceramah agama oleh Pencetus Ummah Ustaz Salman bin Maslori, penyampaian cenderamata kepada anak-anak Al-Khadeem dan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim dan kakitangan IPJPSM yang ditimpa musibah. Aktiviti Ihya Ramadan di Surau Al-Fatih disudahi dengan solat asar secara berjemaah. Seterusnya anak-anak Al-Khadeem dibawa melawat ke Galeri Perhutanan, IPJPSM dan berakhir dengan majlis berbuka puasa di Cafe Cendana, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato' KPPSM



Anak-anak Al-Khadeem bergambar kenangan bersama AJK Program Ihya Ramadan



YBhg. Dato' KPPSM menyampaikan cenderamata kepada PU Ustaz Salman bin Maslori



Majlis berbuka puasa di Cafe Cendana, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

MAJLIS IFTAR RAMADHAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Perasmian majlis berbuka puasa

KUALA PILAH, 20 JUN 2017

Jabatan Perhutanan telah mengadakan Majlis Iftar Ramadhan bertempat Seri Menanti Resort. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan Darul Khusus En. Salim bin Aman. Seramai 18 orang anak yatim telah diraikan pada majlis tersebut.



Kakitangan yang hadir



KURSUS ASAS INTERPRETASI DAN KOMUNIKASI BAGI JURU PANDU DENAI INTERPRETASI 2017 SIRI KE 2

Disediakan oleh: Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 4-6 JULAI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Darul Khusus telah mengadakan Kursus Asas Interpretasi dan Komunikasi bagi Juru Pandu Denai Interpretasi di Pusat Edu Ecotourism Sungai Menyala, Port Dickson. Seramai 22 orang peserta telah menghadiri kursus selama 3 hari. Objektif utama kursus ini adalah untuk melahirkan juru pandu yang berilmu, berkebolehan serta mampu berkomunikasi dengan pengunjung. Seramai empat orang penceramah jemputan daripada Universiti Putra Malaysia sebagai tenaga pengajar kursus ini.



Peserta dan Pensyarah Jemputan bagi Kursus Asas Interpretasi dan Komunikasi bagi Juru Pandu Denai Interpretasi

KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN PEMBALAKAN BERIMPAK RENDAH (RIL)

Disediakan oleh : Kamal Kusyairi bin Abd Ghani
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM



Barisan peserta kursus, penceramah dan fasilitator di lapangan

SUNGAI SIPUT, 19 - 21 JULAI 2017

Seksyen Pensijilan Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) yang telah diadakan di Kompleks Latihan Perhutanan, Sungai Siput, Perak. Latihan yang dijalankan selama tiga (3) hari tersebut, disertai seramai lebih kurang 18 peserta yang terdiri daripada Kontraktor Pembalakan, Kepala Hutan dan Pemandu Jentera Berat. Para peserta yang hadir mewakili negeri-negeri dari zon Utara dan Selatan iaitu dari Negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Johor. Kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Kontraktor Pembalakan, Kepala Hutan dan Pemandu Jentera Berat tentang Pelaksanaan Pembalakan yang berimpak Rendah (RIL) ke arah Pencapaian Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (Hutan Asli). Kursus ini telah disampaikan oleh dua (2) penceramah iaitu Tuan Hj. Roslan bin Rani dari IPJPSM dan En. Khairudin bin Perdan dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

BENKEL APFNET MENGENAI REHABILITASI DAN PENGURUSAN HUTAN

Disediakan oleh: Cik Regina Mariah Jong
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM



Barisan penceramah, peserta dan urus setia Bengkel APFNet Mengenai Rehabilitasi dan Pengurusan Hutan

CAMBODIA, 24 JULAI 2017

Bengkel APFNet Mengenai Rehabilitasi dan Pengurusan Hutan telah diadakan di Siem Reap, Cambodia pada 24 Julai – 4 Ogos 2017. Bengkel tersebut dianjurkan oleh *Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation (APFNet)* dengan kerjasama *Institute of Forest and Wildlife Research and Development (IRD)*, *Cambodia Forestry Administration* dan *APFNet Kunming Training Center (APFNet-KTC)*. Tujuan penganjuran bengkel APFNet ini adalah untuk:

- mengenal pasti dan menilai keadaan semasa tentang usaha rehabilitasi kawasan hutan terosot, faktor-faktor degradasi hutan dan jangkaan senario masa depan mengenai rehabilitasi hutan di benua Asia Pasifik;
- mengenal pasti isu-isu dan cabaran semasa dalam melaksanakan aktiviti rehabilitasi hutan, terutamanya dalam aspek polisi, kerangka institusi, ekologi, teknikal dan sosio-ekonomi di benua Asia Pasifik;
- berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang rehabilitasi dan pengurusan hutan di dalam kalangan anggota negara-negara Asia Pasifik;
- mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam perancangan dan pelaksanaan program / projek berkenaan dengan rehabilitasi dan pengurusan hutan.

Seramai 15 orang daripada benua Asia Pasifik telah menghadiri bengkel tersebut, ini termasuklah peserta-peserta dari negara Nepal, Bangladesh, Papua New Guinea, Fiji dan rantau ASEAN. Pengisian bengkel APFNet ini meliputi sesi ceramah oleh Profesor David Lamb, Profesor Zhang Jin Feng, Profesor Shen Li Xin dan Dr. Jaap Kuper, pembentangan kertas kerja oleh peserta bengkel, lawatan teknikal serta kerja berkumpul dan sesi perbincangan. Bengkel APFNet telah memberikan pendedahan dan kupasan yang signifikan dalam rehabilitasi dan pengurusan hutan. Ini termasuklah rehabilitasi hutan melalui pendekatan landskap, penglibatan sosial dalam pemuliharaan hutan, mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim, aplikasi ilmu sains dan hasil penyelidikan dalam pengurusan hutan, serta penilaian ekonomi dalam konteks rehabilitasi hutan.



Lawatan ke Kawasan Pengeluaran Biji Benih di daerah Kampong Thom, Siem Reap, Cambodia

SAMBUTAN JALINAN MESRA AIDILFITRI PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH 2017

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Barisan penceramah, peserta dan urus setia Bengkel APFNet mengenai Rehabilitasi dan Pengurusan Hutan

JITRA, 6 JULAI 2017

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara dan Persatuan Kebajikan Sukan Perhutanan Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang (PEKSPER) telah menganjurkan Majlis Sambutan Jalinan Mesra Aidilfitri bertempat di Rumah Rehat Pejabat Daerah Kubang Pasu, Kedah. Majlis ini diadakan bagi mengeratkan silaturrahim dan bermaaf-maafan sempena Aidilfitri. Pelbagai juadah disediakan secara bergotong-royong seperti laksa, satay, ketupat, lemag, rendang ayam, mee udang, nasi briyani ayam, dan pelbagai jenis kuih-muih yang lain.

Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran Pengarah Perhutanan Negeri Kedah dan dimulakan dengan Program Ceramah Agama yang disampaikan oleh Tuan Sheikh Yusoff bin Hj. Ahmad. Sementara Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Bakar bin Din sempat meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri JPN Kedah kali ini. Selain itu, mantan Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, YM Ku Azmi bin Ku Aman juga sempat

meluangkan masa hadir dalam majlis ini.

Majlis ini merupakan satu platform bagi semua warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah untuk memperkukuhkan ukhwh persaudaraan antara satu sama lain. Pengarah Perhutanan Negeri

Kedah sempat meluangkan masa untuk bergambar beramai-ramai dengan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.



Pengarah Perhutanan Negeri Kedah bersama Pegawai Kanan

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016 DAN ANUGERAH JASAMU DIKENANG 2017 JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh : Nor Wahidah binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



Sesi bergambar Penerima-penerima Anugerah bersama tetamu VIP



SHAH ALAM, 21 JULAI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan Anugerah Jasamu Dikenang 2017 bertempat di Geno Hotel, Shah Alam. Majlis APC yang dianjurkan secara tahunan ini merupakan satu pengiktirafan bagi menghargai sumbangan kepada kakitangan JPNS yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2016.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Seramai 32 orang penerima APC 2016 dan 12 penerima Anugerah Jasamu Dikenang 2017 telah diraikan pada malam itu. Selain itu, turut diraikan seramai 18 orang kakitangan telah menerima Anugerah Khas Pengarah Perhutanan Negeri Selangor 2016.

Diharap anugerah ini dapat meningkatkan motivasi dan semangat kepada penerima anugerah mahupun yang masih belum menerima agar terus mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan di JPNS.

20th MEETING OF THE ASEAN SENIOR OFFICIALS ON FORESTRY (ASOF) AND ITS RELATED MEETINGS

Disediakan oleh: Nora Azlina binti Musa @ Ab Ghani dan
Najihah binti Aderis @ Idris
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2017

Pada tahun 2017, Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah bagi penganjuran *20th Meeting Of The Asean Senior Officials On Forestry (ASOF) and Its Related Meetings*. Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 24 hingga 28 Julai 2017 di Marriott Hotel, Putrajaya. Sebanyak 11 negara telah terlibat dalam mesyuarat tersebut termasuklah negara Plus Three iaitu Brunei, Cambodia, Filipina, Indonesia, Laos PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam dan China (Negara +3). Sesi mesyuarat telah dimulai dengan *20th Meeting of The ASEAN Working Group on Forest Product Development (AWG-FPD)* yang dipengerusikan oleh Dr. Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut juga, turut diadakan *The 18th International Seminar on Current International Issues Affecting Forestry and Forest Products* dengan bertemakan memelihara biodiversiti negara termasuklah Central Forest Spine (CFS) dan Inisiatif Heart of Borneo (HoB). Selain itu, perkara lain yang diketengahkan dalam seminar adalah berkaitan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan termasuklah Pensijilan Perhutanan, *Forest Livelihood*, ekopelancongan dan sebagainya. Seminar Antarabangsa telah dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Kemuncak bagi penganjuran mesyuarat tersebut adalah *20th Meeting of The Asean Senior Officials on Forestry (ASOF)* di mana YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar) telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

ASOF diadakan bertujuan bagi menyelaras dan membincang kemajuan pelaksanaan rangka kerja dasar, program, projek, aktiviti dan kerjasama dalam sektor perhutanan dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN (*ASEAN Member States - AMS*). ASOF dan badan subsidiari di bawahnya bermesyuarat setiap tahun bagi merangka, merancang, memantau dan melaksana aktiviti kerjasama serantau. Tahun ini merupakan kali ke-4 Malaysia menjadi tuan rumah



OPENING CEREMONY OF THE 18TH INTERNATIONAL SEMINAR ON CURRENT INTERNATIONAL ISSUES AFFECTING FORESTRY AND FOREST PRODUCTS & THE 20TH ASOF MEETING
26TH JULY 2017
PUTRAJAYA, MALAYSIA



YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, pengerusi bagi Mesyuarat ASOF Ke-20



Delegasi Malaysia bagi 20th Meeting of The Asean Senior Officials on Forestry (ASOF) and Its Related Meetings

bagi penganjuran mesyuarat ini dan kali pertama mesyuarat ASOF telah diadakan pada tahun 1998.

Seramai 169 orang peserta telah menyertai mesyuarat ini. Seramai 42 peserta daripada Negara-negara Anggota ASEAN dan 127 orang daripada agensi/Jabatan/Bahagian di bawah NRE serta lain-lain Kementerian. Bersempena dengan mesyuarat ini juga, semua delegasi khususnya daripada Negara-negara Anggota telah dibawa untuk melawat Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur (TER-KL) yang merupakan kawasan hutan asli jenis dipterokarpa pamah yang masih wujud di tengah-tengah Bandar raya Kuala Lumpur.

PROGRAM EKSPLORASI HIJAU KE NEGERI SARAWAK ANJURAN PUSPANITA IPJPSM

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat,
Penolong Setiausaha PUSPANITA JPMSM

KUCHING, 27 JULAI 2017

Biro Sukan dengan kerjasama Biro Alam Bina Lestari, Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) cawangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Program Eksplorasi Hijau ke Negeri Sarawak pada 27 hingga 30 Julai 2017. Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada ahli PUSPANITA IPJPSM dan turut disertai oleh Pengerusi PUSPANITA IPJPSM, Datin Rohani binti Daud telah menyertai program ini.

Antara objektif program ini adalah untuk mengenal dan mempelajari cara hidup serta keharmonian budaya pelbagai masyarakat majmuk yang terdapat di bumi kenyalang ini di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara ahli-ahli PUSPANITA IPJPSM dengan pegawai-pegawai Jabatan Hutan Sarawak.

Sepanjang program ini berlangsung para peserta telah dibawa melawat ke Muzium Kayu di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), Muzium Sarawak, Kampung Budaya Sarawak (SCV) dan Pusat Hidupan Liar Semenggoh. Muzium Perakayan PUSAKA ini mempunyai keluasan 78,000 meter persegi, mengandungi 12 bahagian yang memaparkan keunikan dan kekayaan sumber hutan serta pembangunan industri perakayan di negeri Sarawak. Selain itu, para peserta dapat melihat pelbagai barangan kayu tradisional yang kian pupus dan telah jarang digunakan oleh masyarakat tempatan.

Lawatan setengah hari ke Kampung Budaya Sarawak pula ibarat satu penjelajahan ringkas di segenap pelosok Negeri Sarawak. Para peserta dibawa melihat, mendekati dan merasai sendiri pengalaman berada di Rumah Panjang Bidayuh, Rumah Panjang Iban, Rumah Penan, Rumah Panjang Orang Ulu, Rumah Melanau, Rumah Melayu dan Rumah Cina. Para peserta turut disajikan dengan pelbagai persembahan tarian kebudayaan bagi setiap kaum yang berada di Sarawak.



Lawatan ke Muzium Perakayan, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)



Bergambar kenangan semasa di bandar raya Kuching

Selain daripada itu, di Pusat Hidupan Liar Semenggoh para peserta dapat melihat sendiri bagaimana Orang Utan liar yang didapati cedera, menjadi yatim piatu atau sebelum ini disimpan sebagai haiwan peliharaan dirawat dan dijaga dengan rapi sehingga mereka dapat menyesuaikan diri dan berdikari sendiri sebelum dilepaskan semula ke habitat asal mereka. Pusat Hidupan Liar ini juga menjalankan aktiviti Program Anak Angkat Orang Utan dengan bayaran sumbangan sebanyak RM200 bagi individu dan RM10,000 setahun bagi Syarikat Korporat. Sehingga kini, Pusat Hidupan Liar Semenggoh telah menempatkan sebanyak 28 ekor Orang Utan iaitu 15 ekor jantan dan 13 ekor betina.

SEMINAR KEBANGSAAN *CENTRAL FOREST SPINE (CFS)*

Disediakan oleh : Nik Muhammad Najib bin Nik Jaafar
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

PUTRAJAYA, 27 JULAI 2017

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama *United Nation Development Program* (UNDP) serta *Global Enviromental Facilities* (GEF) telah menganjurkan Seminar Kebangsaan *Central Forest Spine* (CFS) pada 27 hingga 28 Julai 2017 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan inisiatif kerajaan dalam melindungi dan memulihara biodiversiti negara melalui pelaksanaan CFS di samping membincang secara mendalam mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Pelan Induk Rangkaian



Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan *Central Forest Spine* (CFS) disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Ekologi CFS. Seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi di peringkat persekutuan dan negeri, universiti awam dan swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah hadir ke seminar tersebut. Seramai 17 orang pembentang telah membentangkan kertas kerja masing-masing semasa seminar ini

berlangsung. Majlis Penutupan Seminar Kebangsaan *Central Forest Spine* (CFS) ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhiruddin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

MESYUARAT PEGAWAI KANAN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI DI SUNGAI PETANI, KEDAH DAN LAWATAN KE TAMAN EKO-RIMBA

Disediakan oleh : Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian *Forest Eco-Park* & Hutan Taman Negeri, IPJPSM

SUNGAI PETANI, 1 OGOS 2017



Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Bil.2/2017

Bahagian *Forest Eco-Park* & Hutan Taman Negeri (BEP), IPJPSM telah menganjurkan Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri bil.2/2017 di Sungai Petani, Kedah. Mesyuarat ini diurusetikan oleh BEP dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah sebagai tuan rumah pada penganjuran mesyuarat kali ini. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah BEP dan dihadiri Pegawai serta Pengurus Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia ini adalah bertujuan untuk memantau perkembangan projek-projek serta membincangkan permasalahan yang dihadapi di Taman Eko-Rimba (TER) dan Hutan Taman Negeri yang mana ianya diadakan pada setiap suku tahun.

Pada 2 Ogos 2017 pula, satu lawatan ke Taman Eko-Rimba (TER) Sungai Teroi telah diadakan. Taklimat dan penerangan berkenaan TER tersebut telah diberikan oleh petugas disana sepanjang lawatan ini berlangsung. Lawatan ini bertujuan untuk melihat keadaan sebenar TER tersebut dan memberi peluang kepada semua ahli mesyuarat untuk memberikan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan kepada TER tersebut.



Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri telah menyertai lawatan ke Taman Eko-Rimba Sg. Teroi

KURSUS PEMANTAPAN DAN PELAKSANAAN KAJIAN INTEGRASI SISTEM SILVIKULTUR PEMILIHAN POKOK (STSS) DALAM SISTEM PENGURUSAN MEMILIH (SMS) UNTUK KUMPULAN SOKONGAN

Disediakan oleh : Norliza binti Md
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

SUNGAI SIPUT, PERAK, 7-10 OGOS 2017

Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM dengan kerjasama daripada pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan kursus Pemantapan dan Pelaksanaan Kajian Integrasi Sistem Silvikultur Pemilihan Pokok (STSS) Dalam Sistem Pengurusan Memilih (SMS) Untuk Kumpulan Sokongan yang bertujuan untuk memberi memberikan pendedahan serta melatih kakitangan yang terlibat terhadap matlamat dan keperluan pelaksanaan kajian kepada kakitangan yang akan terlibat secara langsung dari segi kaedah pelaksanaan banciaan 100% di lapangan, tataraca pengendalian peralatan banciaan dan pengendalian sistem perisian STSS. Kursus ini dirangka sebagai salah satu keperluan dalam melaksanakan kajian integrasi STSS dalam SMS yang dibiayai di bawah peruntukan pembangunan RP2, RMKe-11. Kursus yang berlangsung selama empat hari ini melibatkan peserta seramai 30 orang yang terdiri daripada kakitangan kumpulan sokongan Gred G11 hingga G29 Jabatan Perhutanan Negeri iaitu Johor, Kedah dan Pahang.

Pemilihan peserta daripada tiga JPN ini adalah kerana kajian integrasi ini akan dilaksanakan di tiga buah negeri yang melibatkan anggaran keluasan kira-kira 300 hektar. Aktiviti banciaan intensiti 100% akan bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap dalam tahun 2019 melibatkan seramai 40 orang tenaga kerja daripada JPN, IPJPSM dan FRIM. Kajian ini akan melihat pelaksanaan integrasi STSS dalam SMS secara menyeluruh yang mana antara perkara yang akan diberi perhatian dalam termasuklah kajian keberkesanan kos yang akan melibatkan jumlah tenaga kerja, tempoh masa, kos peralatan kerja, pembangunan sistem, kerosakan dirian tinggal, implikasi perundangan dan lain-lain yang berkenaan. Hasil daripada kajian dilihat mampu memberi impak kepada jabatan perhutanan khususnya dalam membantu memperkukuhkan lagi sistem pengurusan hutan bagi mencapai visi jabatan ke arah menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika.



Peserta kursus pemantapan dan pelaksanaan kajian integrasi Sistem Silvikultur Pemilihan Pokok (STSS) dalam Sistem Pengurusan Memilih (SMS)



Barisan peserta, penceramah dan urus setia kursus



Latihan amali di lapangan



Para peserta sedang mendengar taklimat kursus

KURSUS KEMAHIRAN LANJUTAN PASUKAN PEROLEHAN BIJI BENIH JPSM TAHUN 2017

GUNUNG PULAI, JOHOR, 14-17 OGOS 2017

Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPSM mula ditubuhkan pada tahun 1990an dan bertujuan untuk mendapatkan biji benih yang berkualiti serta mencukupi bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan program pemulihan kawasan-kawasan hutan terosot dan miskin. Ahli pasukan merupakan kakitangan yang terlatih dan telah mengikuti pelbagai latihan kemahiran yang mana pada awal penubuhannya tenaga pengajar adalah dari Negara Jerman melalui program kerjasama Malaysia - *German Forestry Planting Material Procurement Programme*.

Sehingga kini, seramai 240 orang ahli Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPSM telah dilatih melalui kursus dan latihan di peringkat Ibu Pejabat dan Jabatan Perhutanan Negeri. Daripada jumlah tersebut, seramai lebih kurang 100 ahli pasukan telah bergiat aktif sebagai penyumbang utama dalam program Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPSM dan seramai 35 orang daripada ahli tersebut telah dilantik sebagai tenaga pengajar oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pada 14 - 17 Ogos 2017, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan telah berjaya menganjurkan satu Kursus Kemahiran Lanjutan Pasukan Perolehan Biji Benih JPSM Tahun 2017 yang telah diadakan di Kem Bina Negara, Gunung Pulai Johor dan seramai 32 peserta kursus telah mengikuti kursus ini dengan jayanya. Matlamat Kursus ini adalah untuk melatih ahli pasukan sedia ada untuk menjadi jurulatih bagi menjamin kesinambungan



Peserta bergilir menunjukkan kemahiran memanjat



Para peserta kursus sedang melaksanakan latihan memanjat

aktiviti perolehan biji benih dan bahan tanaman bagi menyokong program pemuliharaan dan pembangunan hutan di Semenanjung Malaysia.

Objektif penganjuran kursus ini adalah:

- i. Untuk menambah kemahiran dan pengetahuan teknikal peserta kursus mengenai perolehan biji benih dari atas pokok dengan cara memanjat;
- ii. Untuk menjamin prosedur yang sihat dan selamat semasa berkerja di atas pokok;
- iii. Untuk memastikan peserta kursus mengetahui jenis-jenis risiko yang mungkin berlaku apabila menjalankan aktiviti memanjat dan menjamin prosedur

yang sihat dan selamat semasa berkerja di atas pokok; dan

iv. Untuk memupuk sifat kepimpinan dan kejurulatihan pada peserta kursus.

Secara keseluruhannya, kursus ini adalah amat baik dan sangat berfaedah terutama dalam meningkatkan keyakinan diri mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk menambah ilmu pengetahuan secara berterusan yang berkaitan dengan bidang tugas mereka.



Peserta kursus kemahiran lanjutan pasukan perolehan biji benih JPSM tahun 2017 bersama barisan penceramah dan fasilitator

TINJAUAN LAPANGAN EKOPELANCONGAN DI TAMAN NEGARA MULU SARAWAK

Disediakan oleh : Mohd Zarin bin Ramlan
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPJPSM



Seramai 16 orang peserta yang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah Bahagian telah sertai tinjauan lapangan Ekopelancongan di Taman Negara Mulu Sarawak

MULU, SARAWAK, 18 OGOS 2017

Tinjauan Lapangan Ekopelancongan di Taman Negara Mulu, Sarawak telah diadakan pada 18 hingga 20 Ogos 2017 melibatkan seramai 16 orang peserta yang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tinjauan Lapangan Ekopelancongan ini bertujuan untuk perkongsian pengalaman daripada Jabatan Hutan Sarawak khususnya berkaitan pengurusan dan pentadbiran ekopelancongan yang mampu menyumbang kepada penjana hasil pendapatan melalui aktiviti ekopelancongan di samping memelihara sumber khazanah alam semulajadi. Antara aktiviti yang telah dilakukan di Taman Negara Mulu, Sarawak adalah seperti lawatan ke *Deer Cave*, *Lang Cave*, *Bats Exodus*, *Wind Cave*, *Clear Water Cave*, *Canopy Walk Way* dan lawatan ke Perkampungan Batu Bungan (*Penan Resettlement*).



PROGRAM PENGHIJAUAN BUMI *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) OLEH PESERTA *ADVANCE LEADERSHIP AND MANAGEMENT PROGRAMME (ALMP) SIRI KE 55, BIL. 3 TAHUN 2017*

Disediakan oleh : Tuan Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



Peserta ALMP berkesempatan bergambar bersama anak pokok yang telah berjaya ditanam

RAWANG, 19 OGOS 2017

Program Penghijauan Bumi Corporate Social Responsibility (CSR) oleh peserta Advance Leadership and Management Programme (ALMP) Siri ke 55, Bil. 3 Tahun 2017, telah berjaya diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Komanwel, Hutan Simpan Kanching, Rawang dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Program ini melibatkan peserta ALMP yang terdiri daripada pegawai-pegawai pengurusan tertinggi sektor awam dan salah seorang pesertanya adalah YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM. Selain itu, program ini juga telah dihadiri oleh kakitangan TNB dan pelajar Universiti Tenaga Nasional Berhad (UNITEN).

Objektif program ini diadakan adalah seperti berikut:

- Memupuk kesedaran dan menanam semangat mencintai alam sekitar;
- Mengeratkan perpaduan dalam kalangan peserta akan kepentingan aktiviti restorasi hutan;
- Berkongsi maklumat mengenai kepentingan biodiversiti hutan dan usaha-usaha pemeliharaan khazanah hutan; dan
- Menanamkan rasa 'sense of belonging' atau 'ownership' dalam kalangan peserta terhadap kepentingan hutan.



Peserta sedang melihat keindahan air terjun Komanwel

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Zainuddin bin Jamaluddin, Timbalan Pengarah (Operasi Hutan), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Taklimat mengenai Program Restorasi Hutan JPMS turut disampaikan oleh Encik Mohd Jinis bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Silvikultur), IPJPSM.

Sejumlah 120 anak pokok yang terdiri daripada spesies Keruing neram, Balau pasir, Gapis, Bunga tanjung, Kelat merah, Simpon dan sebagainya telah berjaya ditanam oleh para peserta di sekitar kawasan TER Komanwel. Selain itu, pelajar UNITEN turut melakukan aktiviti mengecat beberapa fasiliti yang terdapat

di TER Komanwel ini seperti jambatan batu dan dewan terbuka. Para peserta juga berkesempatan melihat demonstrasi memanjat pokok bagi tujuan mengambil biji benih yang dipimpin oleh Tuan Haji Solehan bin Saorani dan seterusnya merentasi denai interpretasi hutan (denai kapur) serta mengunjungi air terjun Komanwel di sini.

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan lancar dan semua peserta menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang program ini berlangsung. JPNS amat menghargai dan mengalu-alukan program sebegini dapat dilaksanakan di Negeri Selangor.

PROGRAM KOMUNITI PERHUTANAN SEMPENA HARI PERHUTANAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH JELEBU TAHUN 2017

Disediakan oleh : Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Peserta-peserta yang terlibat dalam program Komuniti Perhutanan

JELEBU, 20 OGOS 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Program Penanaman Pokok di Pusat Komuniti Kg Peradong Pergai, Jelebu. Diantara agensi yang terlibat dari Aset Perhutanan. Program ini dirasmikan oleh YB. Dato' Hj. Yunus bin Rahmat, Ahli dewan Undangan Negeri Kuala Klawang.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE-60 PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2017

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shahrudin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

ALOR SETAR, 31 OGOS 2017

Sambutan Hari Kebangsaan kali Ke-60 Peringkat Negeri Kedah bertempat di Perkarangan Wisma Darul Aman. Lebih 5,000 orang hadir ke majlis tersebut bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2017 peringkat negeri yang bermula pada jam 8 pagi. Sambutan ini turut dihadiri Raja Muda Kedah, Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah dan Raja Puan Muda Kedah, Tengku Maliha Tengku Ariff, YAB Menteri Besar Kedah, Barisan Exco dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kedah.

Sejumlah 2,000 peserta daripada 95 kontinjen mewakili pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pasukan Keselamatan, Universiti serta parti politik terlibat dalam perarakan dan perbarisan. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga turut serta dalam perarakan tersebut yang disertai 33 kakitangan pelbagai peringkat.

Orang ramai dilihat teruja dengan perarakan kontingen-kontingen yang mengambil bahagian pada sambutan kali ini dan sambutan tamat dengan keberangkatan pulang Raja Muda, Tunku Bendahara Kedah, Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani, Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Shaafinaz Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Tunku Laksamana Kedah, Datuk Tengku Sarafudin Badlishah Tunku Sallehuddin.



Kontingen Jabatan Perhutanan Negeri Kedah menyertai perbarisan pada sambutan Hari Kebangsaan 2017 peringkat Negeri Kedah

PERISTIWA BERGAMBAR



16 MEI 2017

Majlis Penyampaian Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2016-2017 di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor

12 MEI 2017

Penyaluran peruntukan bagi melaksanakan program penghijauan bersama NGO sempena Mesyuarat Program Penghijauan bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah program restorasi, tebus guna dan pemulihan kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia RMKe-11 (2016-2020)



PERISTIWA BERGAMBAR



15 MEI 2017

Majlis Perasmian (penggunaan semula bangunan Blok Chengal, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia oleh IKRAM)





JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur

Tel: (6)03-2616 4488 Fax: (6)03-2692 5657

<http://www.forestry.gov.my>